

DBKL terus gempur Petaling Street

KUALA LUMPUR - Sebanyak empat daripada lapan premis yang diperiksa dikenakan tindakan sita dan pindah barangan menerusi tindakan khas oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) di Petaling Street.

DBKL berkata, penguatkuasaan pada malam Khamis itu menumpukan kepada aktiviti perniagaan yang melakukan kesalahan halangan berkaitan meletak barangan tred di atas jalan dan siar kaki awam.

"Hasil pemeriksaan semasa operasi ke atas lapan premis, empat daripadanya

dikenakan tindakan sita dan pindah peralatan perniagaan.

"Operasi restoran tersebut diambil tindakan kerana meletakkan kerusi meja, *stall* beroda, payung, dapur dan tong gas di atas laluan jalan di tempat awam tanpa kebenaran," katanya menerusi hantaran di Facebook pada Jumaat.

Ujarnya, sebanyak 12 notis pelbagai kesalahan dikeluarkan dalam operasi itu.

Jelasnya, 80 peralatan perniagaan yang disita, dipindahkan ke Setor Sitaan DBKL Jalan Lombong Taman Miharja Cheras untuk rekod dan dokumentasi.